



MALAY *AB INITIO* – STANDARD LEVEL – PAPER 1
MALAIS *AB INITIO* – NIVEAU MOYEN – ÉPREUVE 1
MALAYO *AB INITIO* – NIVEL MEDIO – PRUEBA 1

Friday 21 May 2010 (afternoon)
Vendredi 21 mai 2010 (après-midi)
Viernes 21 de mayo de 2010 (tarde)

1 h 30 m

TEXT BOOKLET – INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- Do not open this booklet until instructed to do so.
- This booklet contains all of the texts required for Paper 1.
- Answer the questions in the Question and Answer Booklet provided.

LIVRET DE TEXTES – INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS

- N'ouvrez pas ce livret avant d'y être autorisé(e).
- Ce livret contient tous les textes nécessaires à l'Épreuve 1.
- Répondez à toutes les questions dans le livret de questions et réponses fourni.

CUADERNO DE TEXTOS – INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS

- No abra este cuaderno hasta que se lo autoricen.
- Este cuaderno contiene todos los textos para la Prueba 1.
- Conteste todas las preguntas en el cuaderno de preguntas y respuestas.

TEKS A

REMAJA YANG SUKA MEMBACA


Saya suka membaca pelbagai jenis surat khabar, majalah dan buku motivasi untuk menambah ilmu pengetahuan saya. Ilmu pengetahuan ini membantu saya menulis karangan fakta dengan baik. Saya juga dapat mengetahui isu semasa apabila membaca berita terkini dalam surat khabar setiap hari. Selain itu, membaca buku-buku motivasi pula memberikan saya motivasi dan inspirasi yang baik untuk berjaya dalam pelajaran dan hidup.

Hannah Lim Jiah Yee,
Sekolah Sri Bestari, Kuala Lumpur.



Komik bersiri dapat menghilangkan tekanan minda waktu belajar. Saya suka membaca komik bersiri kerana jalan ceritanya menarik. Komik yang saya baca bercorak komedi dan banyak unsur suspens.

Muhamad Faidhi Hariz Daud,
Sek. Men. Sains Tengku Abdullah,
Raub, Pahang.



Ceritanya tidak berat, mudah difahami dan tidak membosankan. Dalam komik juga ada gambar-gambar yang menarik yang dapat merehatkan minda saya setelah saya letih belajar. Jika saya ada masa lapang, pasti saya akan membaca komik bersiri. Biasanya saya membaca dari pukul 5.00 petang hingga 6.00 petang setiap hari atau sebelum masuk tidur.

Saya suka membaca buku rujukan, buku cerita, surat khabar, majalah *Dewan Siswa* dan *Dewan Pelajar* serta novel. Bahan bacaan tersebut dipilih kerana mampu memperluas ilmu pengetahuan saya. Bahan bacaan tersebut juga dapat membantu saya mengisi masa lapang dengan cara yang berfaedah. Saya mula membaca sejak saya berumur tujuh tahun.

Andrew Wong Wei Jye,
Sek Men. Keb. Tung Hua,
Sibu, Sarawak.



Saya gemar membaca majalah-majalah ilmiah seperti *Dewan Siswa*, *Dewan Masyarakat*, *Pelita Bahasa* serta *Dewan Kosmik*. Selain itu, buku cerita dan surat khabar juga merupakan bahan bacaan pilihan saya untuk memperbaiki bahasa Melayu serta bahasa Inggeris saya. Surat khabar dan majalah memperluaskan pengetahuan saya tentang isu-isu semasa yang berlaku di seluruh dunia. Dengan membaca, saya dapat merehatkan minda saya selain mengurangkan tekanan. Saya membaca pada hujung minggu, ketika cuti sekolah atau apabila saya ada masa senggang.

Kothai A/P Mohhan,
Sek. Men. Keb. (P) Sultan Ibrahim,
Johor Bahru, Johor.



Saya gemar membaca surat khabar dan buku pengembaraan serta majalah-majalah ilmiah seperti *Dewan Siswa*, *Pelita Bahasa*, *Dewan Masyarakat* dan *Dewan Kosmik*. Saya membaca buku pengembaraan sejak kecil untuk mengisi masa senggang di samping memperbanyakkan kosa kata saya. Saya juga suka membaca komik kerana berminat dengan lukisannya yang menarik. Surat khabar pula memberikan saya informasi tentang sukan, ekonomi, politik, hiburan serta isu-isu semasa dan berita terkini.

Nik Nur Syafiqah,
Sek. Men. Keb. Zainab Satu,
Khota Bharu, Kelantan.



Disesuaikan daripada *Dewan Siswa* (November 2008)

TEKS B

GENG, FILEM ANIMASI 3D PERTAMA DI MALAYSIA



1 **1** GENG ialah filem animasi 3D pertama di Malaysia. Sebuah syarikat tempatan, iaitu syarikat animasi *Les' Copaque Production* telah menghasilkan filem ini melalui hasil kreatif anak-anak Malaysia. Panjang filem ini ialah sembilan puluh minit.

2 **2** Filem ini adalah tentang suatu makhluk (*creature*) misteri yang datang pada waktu malam. Banyak kejadian misteri di kampung seperti kehilangan buah durian dan penemuan tapak kaki (*footprint*) yang ganjil menyebabkan orang kampung menjadi sangat takut dan bimbang. Dua orang pemuda dari bandar, Badrol dan Lim, datang bercuti di kampung. Tanpa mereka sedari, Badrol dan Lim turut terlibat dalam misteri itu bersama kawan-kawan mereka di kampung iaitu Upin, Ipin, Ros dan Rajoo. Seekor haiwan yang ganjil menjadi kawan Rajoo. Haiwan itu membawa Rajoo dan kawan-kawannya mengembara jauh ke dalam hutan Malaysia yang dipenuhi dengan pelbagai jenis pokok serta haiwan yang cantik, termasuk seekor ular yang sangat besar dan mistik. Enam karakter yang utama dalam filem *GENG* iaitu Badrol, Lim, Ros, Upin dan Ipin serta Rajoo telah menjadikan perjalanan cerita filem ini sangat menarik.

3 **3** Badrol ialah seorang pemuda dari bandar yang badannya sangat kuat dan sihat. Dia sangat yakin dengan dirinya sendiri. Badrol merupakan seorang pemuda yang berani mengambil risiko, tetapi selalu tidak merancang tindakannya dengan baik.

4 **4** Lim ialah kawan baik Badrol. Dia sangat pandai, berhati-hati dan rapi dalam semua kerja yang dilakukannya.

5 **5** Ros pula merupakan kakak kepada Upin dan Ipin. Ros ialah seorang gadis perempuan yang sangat cantik tetapi agak garang. Dia bersifat garang kerana dia terpaksa menjaga dua orang adiknya, Upin dan Ipin.

6 **6** Upin dan Ipin ialah adik-beradik kembar yang sangat comel dan suka bermain. Upin ialah abang kepada Ipin. Upin lahir lima minit lebih awal daripada Ipin. Biasanya Upin akan merancang sesuatu dan Ipin hanya menurut kata-kata abangnya.


7 **7** Karakter yang akhir ialah Rajoo. Rajoo adalah seorang kanak-kanak yang sangat aktif dan peramah. Rajoo mempunyai kebolehan yang istimewa. Dia boleh berkomunikasi dengan binatang. Dia selalu bercakap dengan lembunya. Rajoo suka mendengar muzik dan menyanyi.

8 **8** Filem ini dijangka mendapat sambutan yang baik kerana ceritanya menarik. Pihak pawagam menggalakkan pelajar sekolah dan orang tua menonton filem tersebut dengan memberi mereka diskaun sebanyak 20%. Tontonilah filem ini dan ketahui jawapan untuk misteri tersebut.

Disesuaikan daripada *Majalah PC* (Januari 2009)

TEKS C

REMAJA HARI INI BERSIKAP BOROS?



- ❶ Remaja ialah golongan manusia yang berusia dalam lingkungan 13 hingga 19 tahun. Remaja yang bersikap boros ialah remaja yang suka berbelanja besar dan menghabiskan wang.
- ❷ Remaja yang suka boros bukan semuanya datang dari keluarga yang kaya. Ada juga antara mereka yang datang dari keluarga yang berpendapatan sederhana atau rendah. Remaja tersebut tidaklah kaya atau mempunyai wang perbelanjaan yang banyak. Namun mereka tetap bersikap boros dan cuba bergaya mewah seperti remaja yang kaya supaya diterima rakan-rakan mereka yang kaya.
- ❸ Banyak caranya remaja bersikap boros. Mereka menukar jenama barangan yang digunakan seperti jam tangan dan telefon bimbit hampir setiap bulan. Ada juga remaja yang suka membeli dan mengumpulkan koleksi pelbagai jenis aksesori, kasut, jam tangan, beg tangan, alat solek, pakaian fesyen terkini termasuk seluar jeans, skirt dan sebagainya daripada jenama yang terkenal. Barangan daripada jenama terkenal sememangnya mahal harganya.
- ❹ Remaja juga bersikap boros ketika mereka keluar makan bersama rakan-rakan mereka di restoran. Mereka suka memesan pelbagai jenis makanan yang banyak. Kalau habis dimakan tidak menjadi masalah. Akan tetapi, biasanya banyak makanan yang tidak habis dimakan dibuang begitu sahaja. Hal tersebut merupakan satu pembaziran makanan yang sangat serius.
- ❺ Ramai remaja yang tidak sedar bahawa tabiat mereka yang selalu memasang pemain mp3 atau radio sambil menonton televisyen juga adalah satu pembaziran. Komputer yang dibiarkan terbuka selama berjam-jam serta peralatan elektrik seperti kipas dan lampu yang dipasang sepanjang hari walaupun tidak diperlukan, membazirkan banyak tenaga elektrik.
- ❻ Ada kalanya remaja yang sudah biasa berbelanja besar meminjam wang daripada kawan-kawan mereka atau meminta ibu bapa mereka menyediakan kad kredit apabila mereka tiada wang untuk berbelanja. Remaja yang diberikan kad kredit pula biasanya berbelanja dengan mewah tanpa kawalan hingga hutang kad kredit mereka melambung beribu-ribu ringgit.
- ❼ Remaja harus belajar menggunakan wang dengan baik dan berjimat-cermat dalam perbelanjaan harian mereka. Mereka harus belajar membeli barangan yang mereka perlukan sahaja dengan harga yang berpatutan. Mereka tidak patut membeli sesuatu barang untuk menunjuk-nunjuk atau kerana rakan-rakan mereka telah membeli barang tersebut. Jika mereka pandai berbelanja dan berjimat, wang lebih yang ada pada mereka boleh disimpan di dalam bank.

Disesuaikan daripada *Dewan Siswa* (Mac 2008)

TEKS D

MELAWAT DUSUN BUAH-BUAHAN



Pada hari Ahad yang lepas, saya mengikut sahabat akrab saya Ali, pergi ke dusun buah-buahan datuknya. Kebun datuknya terletak di hujung kampung. Kami menunggang basikal untuk pergi ke dusun datuknya. Di sepanjang perjalanan kami menikmati pemandangan di kiri dan kanan jalan kampung itu yang begitu hijau dan indah. Kami melihat banyak rumah kampung yang dibuat daripada kayu. Rumah-rumah tersebut pula dikelilingi oleh bermacam-macam jenis pokok buah-buahan tropika seperti pokok durian, rambutan, jambu, manggis, mangga dan banyak lagi. Kanak-kanak kecil bermain guli di halaman rumah dengan gembira. Tidak jauh dari situ, beberapa orang kanak-kanak pula sedang bermain layang-layang di tengah sawah padi yang terbentang luas. Kami melewati sebuah jambatan kayu yang kecil. Di bawah jambatan tersebut mengalir sebatang sungai yang sangat jernih dan bersih airnya. Saya nampak beberapa orang kanak-kanak sedang bermandi-manda di dalam sungai sambil beberapa orang lelaki pula memancing ikan dari atas tebing sungai.

Setelah dua puluh minit, kami pun sampai di dusun buah-buahan datuk Ali. Pak Mamat menyambut kedatangan kami dengan tangan terbuka. Pak Mamat terus membawa kami melawat dusunnya. Di dusunnya terdapat pelbagai jenis pokok buah-buahan seperti rambutan, durian, manggis dan langsung.

Dusun Pak Mamat penuh dengan pokok-pokok yang berbuah lebat kerana sekarang musim buah-buahan. Ali mengajar saya mengait buah-buahan di atas pokok. Kami mengait buah-buahan tersebut dengan galah yang panjang. Saya berasa sangat teruja. Kami memetik buah-buahan seperti manggis, jambu, rambutan dan langsung. Setelah memetik buah-buahan tersebut, kami pun terus makan buah-buahan tersebut. Buah-buahan tersebut begitu manis, sedap dan segar. Hati saya begitu gembira. Saya berhasrat untuk mengunjungi dusun buah-buahan datuk Ali pada setiap tahun untuk menikmati buah-buahan Malaysia yang lazat.

Disesuaikan daripada *Dewan Pelajar* (Jun 2008)